

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sebelum saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat, saya ingin menerangkan bahawa Malaysia adalah Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Malaysia telah mempergerusikan Majlis tersebut pada bulan Jun 2015 dan sekali lagi bulan Ogos 2016. Untuk pengetahuan Dewan ini, kepengerusian Malaysia ini di Majlis Keselamatan PBB adalah berdasarkan sistem giliran di antara anggota-anggota Majlis Keselamatan PBB.

3. Sejak menjadi anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dari 1 Januari 2015, Malaysia telah melibatkan diri secara aktif di dalam semua mesyuarat Majlis Keselamatan dan memastikan pendirian Malaysia berhubung isu-isu yang berkaitan dapat dipelihara dan diketengahkan sewajarnya.

4. Berhubung isu **penindasan minoriti Muslim Rohingya di Myanmar**, semasa mesyuarat Majlis Keselamatan PBB mengenai Myanmar pada 25 Februari 2016, Malaysia telah menyuarakan harapan agar isu kerakyatan dapat diselesaikan segera oleh kerajaan Myanmar bagi menjamin masa depan golongan yang tertindas ini. Malaysia telah menyatakan kesediaan untuk menghulurkan bantuan kepada kerajaan Myanmar bagi mengurus krisis *internally displaced person*, dengan izin, di negara tersebut.

5. Isu Palestin turut disuarakan oleh Malaysia semenjak keahliannya dalam Majlis Keselamatan PBB dimana Malaysia sentiasa lantang menegaskan pendirian menyokong aspirasi rakyat **Palestin** untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Malaysia juga mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak berperikemanusiaan Israel terhadap rakyat Palestin sepanjang penindasannya ke atas wilayah Palestin.

6. Malaysia turut menegaskan bahawa tiada negara, termasuk Israel, yang melanggar undang-undang antarabangsa atau melakukan jenayah perang, jenayah kemanusiaan dan pembunuhan beramai-ramai (*war crimes, crimes against humanity and genocide*) boleh dikecualikan dari tindakan berlandaskan undang-undang antarabangsa. Malaysia menuntut Majlis Keselamatan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyelesaikan isu Palestin ini.

7. Selain itu, Malaysia telah mempengerusikan tiga mesyuarat tidak rasmi mengenai situasi di Gaza pada bulan Julai 2015, isu perlindungan penduduk Palestin pada Mei 2016 dan penempatan haram oleh Israel pada bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Malaysia berpegang teguh kepada prinsip penyelesaian konflik melalui kaedah rundingan secara damai. Sehubungan ini, dalam hal **Syria** dan **Yaman**, Malaysia menyokong penuh proses pengantaraan (*mediation process*) yang dimudah cara oleh PBB dalam mencari penyelesaian kepada krisis berkenaan melalui dialog dan rundingan terang-kum. Malaysia juga menyeru semua pihak bertelagah agar

berunding dan bekerjasama dalam mencari penyelesaian politik kepada krisis dengan disokong oleh masyarakat antarabangsa.

9. Malaysia sentiasa menegaskan bahawa pihak yang bertelagah harus mematuhi undang-undang kemanusiaan antarabangsa terutamanya dalam melindungi orang awam dan membuka laluan yang bebas daripada halangan birokrasi bagi bantuan kemanusiaan untuk tiba di kawasan-kawasan yang memerlukan. Malaysia turut memperjuangkan isu perlindungan kanak-kanak yang terperangkap dalam kancah konflik bersenjata di Syria dan Yaman.

10. Malaysia telah menyokong semua resolusi berkenaan Syria dan Yaman yang menggesa penyelesaian politik secara damai dan meningkatkan kerjasama menghulurkan bantuan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Mengenai **tragedi penerbangan MH17** di Ukraine, Malaysia pada Julai tahun lepas telah mengambil inisiatif untuk mengemukakan draf resolusi di Majlis Keselamatan PBB, bagi pihak negara-negara ahli *Joint Investigation Team* (JIT) (iaitu Australia, Belanda, Belgium, Malaysia dan Ukraine) untuk menubuhkan satu tribunal antarabangsa bagi memastikan bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas insiden ini dibawa ke muka pengadilan.

12. Malangnya, draf resolusi tersebut telah diveto oleh satu Ahli Tetap Majlis Keselamatan PBB. Namun, Malaysia komited untuk terus berusaha untuk memastikan pihak-pihak yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan dan mangsa-mangsa nahas tersebut terbela. Untuk tujuan ini,

Malaysia sedang bekerjasama dengan negara anggota JIT untuk mengenal pasti mekanisme pendakwaan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.